

Kempen TBC 2019: SERANGKAI KEMPEN DEPOSIT TAHUN BAHARU CINA

Last updated on 18th January 2019

TEMPOH KEMPEN

“Serangkai Kempen Deposit Tahun Baharu Cina” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [kemudian daripada ini disebut “Bank”] bermula pada 22 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019 (termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut.

Kelayakan

1. Akaun / akaun-i individu sertaan bagi Kempen ini adalah seperti berikut (“Akaun Sertaan”):-
 - a. Akaun Simpanan Asas Gaji Hong Leong / Akaun Simpanan Asas Gaji-i Hong Leong;
 - b. Akaun Simpanan Gaji Hong Leong / Akaun Simpanan Gaji-i Hong Leong;
 - c. Akaun Pay&Save Gaji Hong Leong / Akaun Pay&Save Gaji-i Hong Leong;
 - d. Akaun Simpanan Asas Hong Leong / Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong;
 - e. Akaun Simpanan Berbilang Tingkat-i Hong Leong;
 - f. Akaun Simpanan Hong Leong / Akaun Simpanan-i Hong Leong;
 - g. Akaun Semasa Asas Hong Leong / Akaun Semasa Asas-i Hong Leong;
 - h. Akaun Semasa Hong Leong / Akaun Semasa-i Hong Leong;
 - i. Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong;
 - j. Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
 - k. Akaun Pay&Save Hong Leong / Akaun Pay&Save-i Hong Leong;
 - l. Akaun Smartlink Hong Leong;
 - m. Akaun Top Yield Hong Leong;
 - n. Akaun One Hong Leong;
 - o. Akaun One Semasa-i Hong Leong; dan/atau
 - p. Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong.

Bagi Akaun Sertaan di bawah HLISB (“Akaun Sertaan-i”), Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq. Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaan yang dinyatakan dalam Fasal 1 di atas layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

2. Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
 - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - b. Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di dalam ini;
 - c. Kakitangan tetap dan kontrak Bank dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (cth. pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik) kecuali bagi Promosi D; dan/atau
 - d. Pelanggan yang merupakan pemegang akaun bukan warga Malaysia kecuali bagi Promosi D.
3. Semua deposit di bawah Kempen ini mestilah “Dana Baharu” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
 - a. Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan; dan
 - b. Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertaan.
4. Yang berikut ini TIDAK dianggap “Dana Baharu”:
 - a. Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
 - b. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan HLB / HLISB yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
 - c. Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

PROMOSI A – Promosi Makmur bersama Gaji anda (“Promosi A”)

Kelayakan

5. Promosi A terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama **BAHARU** yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia yang telah membuka mana-mana Akaun Sertaan Promosi A semasa Tempoh Kempen termasuk Pelanggan Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong (“Pelanggan Promosi A”).

Bagi mengelakkan keraguan:-

- a. Pemegang akaun baharu bermaksud pelanggan individu warga Malaysia yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Sertaan Promosi A (seperti ditakrif dalam Fasal 6 di bawah) dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka Akaun Sertaan Promosi A semasa Tempoh Kempen.;
6. Akaun individu sertaan-i bagi Promosi A adalah seperti di bawah (“Akaun Sertaan Promosi A”):-
- a. Akaun Simpanan Asas Gaji Hong Leong / Akaun Simpanan Asas Gaji-i Hong Leong;
 - b. Akaun Simpanan Gaji Hong Leong / Akaun Simpanan Gaji-i Hong Leong;
 - c. Akaun Pay&Save Gaji Hong Leong / Akaun Pay&Save Gaji-i Hong Leong;
 - d. Akaun Pay&Save Hong Leong / Akaun Pay&Save-i Hong Leong;
7. Bagi melayakkan diri untuk Promosi A, Pelanggan Promosi A MESTILAH memenuhi mana-mana Kriteria Promosi A seperti dipaparkan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen.

Promosi A - Kaedah

Kriteria Promosi A	Tempoh deposit pertama	Tempoh deposit kedua	Tempoh deposit ketiga	Ganjaran bagi Promosi A
Dengan minimum deposit/deposit gaji berturut-turut sebanyak RM2,000 dalam masa 3 bulan yang ditetapkan	22 Jan 2019 hingga 28 Feb 2019	1 Mac 2019 hingga 31 Mac 2019	1 Apr 2019 hingga 30 Apr 2019	RM80
Dengan minimum deposit/deposit gaji berturut-turut sebanyak RM6,000 dalam masa 3 bulan yang ditetapkan				RM280

8. Jumlah saiz kumpulan dana bagi Promosi A dihadkan setakat Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Dua Belas Ribu Sembilan Ratus (RM712,900.00) dan dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Promosi A yang telah memenuhi Kriteria Promosi A dalam masa yang terpantas, atas dasar siapa cepat dia dapat dan mengikut saiz kumpulan dana.
9. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Promosi A yang berjaya membuat deposit ke-3 berturut-turut semasa tempoh deposit ke-3 dan dalam masa terpantas akan berhak menerima Ganjaran bagi Promosi A (“Pemenang Promosi A”) Pemenang Promosi A juga akan menikmati faedah berikut yang akan dikreditkan berserta Ganjaran bagi Promosi A dalam masa sembilan puluh (90) hari dari 30 April 2019.
- Rebat RM1.00 bagi setiap Pengeluaran ATM antara bank tempatan (setakat 8 Pengeluaran ATM antara bank tempatan) dikeluarkan daripada Akaun Sertaan Promosi A dengan menggunakan Kad Debit HLB / HLISB yang dilakukan semasa Tempoh Kempen (“Rebat”)
 - 800 Mata BIG AirAsia (“Mata BIG”) dikreditkan ke dalam Kad Kredit HLB AirAsia
10. Mata BIG dikeluarkan oleh BIG Loyalty Sdn. Bhd. (924656-U) (dahulunya dikenali sebagai Think BIG Digital Sdn. Bhd.) (“BIG Loyalty”). Untuk melayakkan diri menerima Mata BIG, Pemenang Promosi A dikehendaki mempunyai Kad Kredit HLB AirAsia sebelum 30 April 2019 untuk mengkreditkan Mata BIG ke dalam akaun Ahli BIG mereka. Sekiranya Pemenang Promosi A tidak mempunyai Kad Kredit HLB AirAsia sebelum Tempoh Kempen, Pemenang Promosi A dikehendaki memohon Kad Kredit HLB AirAsia yang sama pada atau sebelum Tempoh Kempen dan Kad Kredit HLB AirAsia tersebut mestilah diluluskan oleh Bank pada atau sebelum 30 April 2019, jika gagal berbuat demikian Mata BIG tidak akan didepositkan ke dalam akaun Ahli BIG Pemenang Promosi A. Dan juga, Bank tidak akan bertanggungjawab jika permohonan untuk Kad Kredit HLB AirAsia tidak diluluskan dalam rangka masa tersebut, atas apa jua sebab sekalipun.

Pemenang Promosi A berkewajipan memberitahu Bank sekiranya tidak menerima Mata BIG dalam masa 30 hari dari 31 Julai 2019, jika gagal berbuat demikian Pemenang Promosi A dianggap telah menerima Mata BIG dan sebarang rayuan untuk mendapat bayaran ganti Mata BIG tidak akan dilayani oleh Bank.

Begitu juga, Pemenang Promosi A berkewajipan memberitahu Bank sekiranya Rebat tidak diterima dalam masa 30 hari dari 31 Julai 2019, jika gagal berbuat demikian Pemenang Promosi A dianggap telah menerima Rebat itu dan sebarang rayuan untuk mendapat bayaran ganti Rebat tidak akan dilayani oleh Bank.

11. Bagi Pelanggan Promosi A yang mempunyai berbilang Akaun Sertaa Promosi A, setiap Akaun Sertaa Promosi A dianggap sebagai penyertaan bebas, walau bagaimanapun setiap Pelanggan Promosi A hanya boleh memenangi satu Ganjaran bagi Promosi A. Tidak perlu borang penyertaan atau pendaftaran penyertaan untuk menyertai Promosi A. Bank akan menjejaki Pelanggan Promosi A secara automatik pada akhir Tempoh Kempen.
12. Akaun Sertaa Pelanggan Promosi A mestilah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dan mempunyai baki akaun minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) bagi tujuan pemenuhan Kaedah Promosi. Sekiranya Akaun Sertaa ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila sebelum 30 Julai 2019, maka Pelanggan Promosi A akan terlucut kelayakannya daripada menyertai Promosi A.
13. Setakat dan sejauh yang dibenarkan undang-undang, Bank adalah terkecuali daripada sebarang tanggungjawab dan liabiliti berbangkit daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butiran Ganjaran atau keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank atau akibat perbuatan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.

PROMOSI B – Promosi HUAT! HUAT! HUAT! (“Promosi B”)

Kelayakan

14. Promosi B terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama baharu dan sedia ada dengan Akaun Sertaa dan merupakan pelanggan individu warga Malaysia bagi Akaun Sertaa yang tersebut di atas termasuk Pelanggan Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong (“Pelanggan Promosi B”).

Bagi mengelakkan keraguan:-

- a. Pemegang akaun baharu bermaksud pelanggan individu warga Malaysia yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaa (seperti ditakrif dalam Fasal 1 di atas) dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka Akaun Sertaa semasa Tempoh Kempen.
 - b. Pemegang akaun sedia ada bermaksud pelanggan individu warga Malaysia yang mempunyai Akaun Sertaa sebelum Tempoh Kempen.
15. Pelanggan Promosi B MESTILAH mendeposit jumlah minimum RM888 dalam Akaun Sertaa mereka untuk layak mendapat penyertaan selanjutnya semasa Tempoh Kempen seperti dipaparkan dalam jadual di bawah (“Pelanggan Layak bagi Promosi B”):

Promosi B - Kaedah

Kriteria Promosi B	Penyertaan	Bilangan Pemenang	Ganjaran bagi Promosi B
Amaun deposit tunggal yang tepat sebanyak RM888 ke dalam Akaun Sertaa semasa Tempoh Kempen	1 Penyertaan	1	RM8,000
Setiap deposit tambahan seterusnya sebanyak RM500 ke dalam Akaun Sertaa semasa Tempoh Kempen.	1 Penyertaan	10	RM800

16. Pelanggan Layak bagi Promosi B yang mendeposit minimum Ringgit Malaysia Lapan Ratus Lapan Puluh Lapan (RM888) akan mendapat satu (1) Penyertaan sekali dan seterusnya setiap deposit tambahan sebanyak RM500 ke dalam Akaun Sertaa semasa Tempoh Kempen akan mendapat satu (1) lagi penyertaan bagi setiap tambahan.
17. Deposit Tambahan ditakrif sebagai Baki Purata Harian (“DAB”) Akaun Sertaa sepanjang Tempoh Kempen tolak Asas Pengiraan. Contoh bagaimana mengira DAB Tambahan ditunjukkan dalam Jadual A di bawah.
18. Asas pengiraan ditakrif sebagai hasil tambah baki penutup selama 38 Hari (iaitu 15 Disember 2018 – 21 Januari 2019) sebelum Tempoh Kempen dibahagi dengan 38 hari. Baki Purata Harian (“DAB”) ditakrif sebagai hasil tambah baki penutup harian dari 22 Januari 2019 – 28 Februari 2019 dibahagi dengan bilangan hari dalam Tempoh Kempen (38 hari).

Jadual A

- a) Asas Pengiraan bagi Pelanggan Layak

Asas Pengiraan =
$$\frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian dari 15 Dis 18 – 21 Jan 2019}}{38 \text{ hari}}$$

cth. Bulan 0 =
$$\frac{\text{(15 Dis) RM13,200 + (16 Dis) RM19,700 + (17 Dis) RM15,400 + \dots + (21 Jan) RM9,300}{38 \text{ hari}}$$

$$= \frac{\text{RM123,500 (hasil tambah baki penutup bagi bulan)}}{38 \text{ hari}}$$

Asas Pengiraan = RM3,250.00 Asas Pengiraan
Pelanggan Individu baharu akan mempunyai Asas Pengiraan RM0.00

b) Pengiraan DAB semasa Tempoh Kempen

$$\text{DAB} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian dari 22 Jan – 28 Feb 2019}}{38 \text{ hari}}$$

$$\text{cth. Bulan 1} = \frac{\text{(22 Jan) RM22,230 + (23 Jan) RM21,400 + (24 Jan) RM22,900..... + (28 Feb) RM22,200}}{38 \text{ hari}}$$

$$= \frac{\text{RM168,350 (hasil tambah baki penutup harian bagi hari-hari selebihnya)}}{38 \text{ hari}}$$

DAB = RM4,430.26 Baki Purata Harian bagi Tempoh Kempen

c) Pengiraan DAB Tambahan bagi setiap Bulan Kempen

$$= \text{DAB} - \text{Asas Pengiraan} = \text{DAB Tambahan}$$

$$\text{RM4,430.26} - \text{RM3,250.00} = \text{RM1,180.26}$$

Pelanggan Layak bagi Promosi B berdasarkan senario di atas layak menerima dua (2) lagi penyertaan dengan 2 tambahan RM500.

19. Untuk menentukan pemenang bagi Promosi B, **Satu Ratus (100)** Peserta Layak akan dipilih secara rambang dan disaring selepas berakhirnya Tempoh Kempen dalam masa sembilan puluh (90) hari dari berakhirnya Tempoh Kempen ("Tempoh Saringan") bagi pemilihan pemenang ("Pelanggan Disaring") seperti ditunjukkan di bawah;

Hadiah	Bilangan Peserta Disaring
Ganjaran RM8,000	20
Ganjaran RM800	80
Jumlah	100

20. Pelanggan Disaring akan dihubungi oleh Pengurus Promosi Iantikan Bank, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) ("Dynamic Search") atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelanggan Disaring seperti ditunjukkan dalam sistem Bank SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi Soal Jawab untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas.
21. Jika berlaku seri, iaitu lebih daripada seorang (1) Pelanggan Disaring yang berjaya menjawab dengan betul dalam rangka masa yang terpantas, maka Pelanggan Disaring yang mempunyai DAB Tambahan tertinggi sepanjang Tempoh Kempen akan diisytiharkan sebagai pemenang ("Pemenang Promosi B"). Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan Promosi B hanya layak memenangi satu (1) Ganjaran bagi Promosi B. Dan lagi, Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan jika Pemenang Promosi B berhak menerima Ganjaran RM8,000 atau RM800 bagi Promosi B dan sebarang pertikaian atas keputusan Bank tidak akan dilayani.
22. Ganjaran bagi Promosi B akan dikreditkan ke dalam akaun sertaan Pemenang Promosi B dalam masa sembilan puluh (90) hari pada akhir Tempoh Kempen. Namun begitu, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan mengkreditkan Ganjaran bagi Promosi B.
23. Sekiranya Ganjaran bagi Promosi B tidak diterima dalam masa 90 hari, Pemenang Promosi B berkewajipan memberitahu Bank dalam masa 30 hari dari 30 Mei 2019, jika gagal berbuat demikian Pemenang Promosi B dianggap telah menerima Ganjaran bagi Promosi B dan sebarang permohonan untuk mendapat bayaran ganti Ganjaran bagi Promosi B tidak akan dilayani oleh Bank.
24. Pelanggan Disaring tidak akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka Pemenang Promosi B sebaik selesai sesi Soal Jawab.
25. Pelanggan Disaring yang menjawab dua (2) soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon, Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS"), menyiarkan

nama Pemenang Promosi B di laman web Bank di www.hlb.com.my/ www.hlisb.com.my ("Laman Web Bank) atau dengan apa-apa cara yang dianggap wajar oleh Bank.

26. Jika Pelanggan Disaring gagal menjawab telefon selepas lima (5) dering atas apa jua sebab sekalipun, atau sekiranya nombor telefon yang diberi oleh Pelanggan Disaring tidak tepat sama ada ketidaktepatan itu disebabkan kesilapan Bank atau Pelanggan Disaring, maka Pelanggan Disaring dianggap telah terlepas peluang menang dan Bank atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih Pelanggan Disaring yang lain jika perlu. Oleh itu, Pelanggan Disaring berkewajipan memberi nombor telefon mereka yang terkini, sah dan tepat kepada Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan Disaring bagi sesi Soal Jawab, atas apa jua sebab sekalipun.
27. Bagi Pelanggan Promosi B yang mempunyai berbilang Akaun Sertaaan, setiap Akaun Sertaaan dianggap suatu entiti bebas. Tidak perlu borang penyertaan atau pendaftaran penyertaan untuk menyertai Promosi B. Bank akan menjejaki Pelanggan Layak secara automatik pada akhir Tempoh Kempen.
28. Akaun Sertaaan Pelanggan Promosi B mestilah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) bagi tujuan pemenuhan Kaedah Promosi. Sekiranya Akaun Sertaaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa sebelum pemenuhan, maka Pelanggan Layak akan terlucut kelayakan daripada menyertai Kempen.
29. Setakat dan sejauh yang dibenarkan undang-undang, Bank adalah terkecuali daripada sebarang tanggungjawab dan liabiliti berbangkit daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butiran Ganjaran atau keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank atau akibat perbuatan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga
30. Perkhidmatan SMS bagi Promosi B disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

PROMOSI C – Promosi Bonus Li Chun ("Promosi C")

Kelayakan

31. Promosi C terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama baharu dan sedia ada dengan Akaun Sertaaan yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia bagi Akaun Sertaaan berikut termasuk Pelanggan Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong ("Pelanggan Promosi C").

Bagi mengelakkan keraguan:-

- a. Pemegang akaun baharu bermaksud pelanggan individu warga Malaysia yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Sertaaan (seperti ditakrif dalam Fasal 1 di atas) dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka Akaun Sertaaan Promosi A semasa Tempoh Kempen (4 Februari 2019).
 - b. Pemegang Akaun sedia ada bermaksud pelanggan individu warga Malaysia yang telah membuka Akaun Sertaaan sebelum Tempoh Kempen
32. Untuk melayakkan diri bagi Promosi C, Pelanggan MESTILAH memenuhi mana-mana Kriteria Promosi seperti dipaparkan dalam jadual di bawah semasa 4 Februari 2019 ("Pelanggan Layak bagi Promosi C"):

Promosi C - Kaedah

Kriteria Promosi C	Penyer-taan	Bil. Pemenang	Ganjaran bagi Promosi C
Amaun deposit tunggal yang tepat sebanyak RM88 semasa Tempoh Kempen ke dalam Akaun Sertaaan.	1 Penyer-taan	1	RM800
		10	RM80

33. Pelanggan Layak bagi Promosi C yang mendeposit Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lapan (RM88) ke dalam Akaun Sertaaan mereka semasa Tempoh Kempen akan mendapat satu (1) Penyer-taan. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan Layak hanya berhak mendapat satu (1) Penyer-taan bagi Promosi C ini, biarpun dia telah meletakkan lebih daripada satu (1) deposit RM88 ke dalam Akaun Sertaaan mereka pada atau 4 Februari 2019.
34. Untuk menentukan pemenang bagi Promosi C, **Satu Ratus (100)** Peserta Layak akan dipilih secara rambang dan disaring selepas berakhirnya Tempoh Kempen dalam masa sembilan puluh (90) hari dari berakhirnya Tempoh Kempen ("Tempoh Saringan") bagi tujuan memilih pemenang ("Pelanggan Disaring") seperti tertera di bawah;

Hadiah	Bilangan Peserta Disaring
Ganjaran RM800	20
Ganjaran RM80	80
Jumlah	100

35. Pelanggan Disaring bagi Promosi C akan dihubungi oleh Dynamic Search atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelanggan Layak bagi Promosi C seperti ditunjukkan dalam sistem Bank SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi Soal Jawab untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas.
36. Jika berlaku seri, iaitu lebih daripada seorang (1) Pelanggan Disaring bagi Promosi C berjaya menjawab dengan betul dalam rangka masa yang terpantas, maka Pelanggan Disaring yang mempunyai DAB Tambahan tertinggi sepanjang Tempoh Kempen akan diisytiharkan sebagai pemenang (“Pemenang Bonus Li Chun”). Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan Layak bagi Promosi C hanya layak memenangi satu (1) Ganjaran bagi Promosi C. Dan lagi, Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan jika Pemenang Bonus Li Chun berhak menerima Ganjaran RM800 atau RM80 bagi Promosi C dan sebarang pertikaian atas keputusan Bank tidak akan dilayani.
37. Ganjaran bagi Promosi C akan dikreditkan ke dalam akaun sertaan Pemenang Bonus Li Chun dalam masa sembilan puluh (90) hari pada akhir Tempoh Kempen. Namun begitu, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan mengkreditkan Ganjaran.
38. Sekiranya Ganjaran bagi Promosi C tidak diterima dalam masa 90 hari tersebut, Pemenang Bonus Li Chun berkewajipan memberitahu Bank dalam masa 30 hari dari 30 Mei 2019, jika gagal berbuat demikian Pemenang Bonus Li Chun dianggap telah menerima Ganjaran bagi Promosi C dan sebarang permohonan untuk mendapat bayaran ganti Ganjaran bagi Promosi C tidak akan dilayani oleh Bank.
39. Pelanggan Disaring bagi Promosi C tidak akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka Pemenang Promosi C sebaik selesai sesi Soal Jawab.
40. Jika Pelanggan Disaring bagi Promosi C gagal menjawab telefon selepas lima (5) dering atas apa jua sebab sekalipun, atau sekiranya nombor telefon yang diberi oleh Pelanggan Disaring tidak tepat sama ada ketidaktepatan itu disebabkan kesilapan Bank atau Pelanggan Disaring bagi Promosi C, maka Pelanggan Disaring bagi Promosi C dianggap telah terlepas peluang menang dan Bank atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih Pelanggan Disaring yang lain jika perlu. Oleh itu, Pelanggan Disaring bagi Promosi C berkewajipan memberi nombor telefon mereka yang terkini, sah dan tepat kepada Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan Disaring bagi Promosi C bagi sesi Soal Jawab, atas apa jua sebab sekalipun.
41. Bagi Pelanggan Promosi C yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan, setiap Akaun Sertaan dianggap suatu entiti bebas. Tidak perlu borang penyertaan atau pendaftaran penyertaan untuk menyertai Promosi C. Bank akan menjejaki Pelanggan Layak secara automatik pada akhir Tempoh Kempen.
42. Akaun Sertaan Pelanggan Promosi C mestilah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) bagi tujuan pemenuhan Kaedah Promosi. Sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa sebelum pemenuhan, maka Pelanggan Layak bagi Promosi C akan terlucut kelayakan daripada menyertai Kempen.
43. Setakat dan sejauh yang dibenarkan undang-undang, Bank adalah terkecuali daripada sebarang tanggungjawab dan liabiliti berbangkit daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butiran Ganjaran atau keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank atau akibat perbuatan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga
44. Perkhidmatan SMS bagi Promosi C disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) (“M3Tech”), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

PROMOSI D – Promosi Peruntukan Istimewa Reunion (“Promosi D”)

Promosi D – Pemberian Peserta Terawal

45. Promosi D terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama baharu dan sedia ada dengan Akaun Sertaa yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia bagi Akaun Sertaa berikut, termasuk Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong dan kakitangan tetap dan kakitangan kontrak (“Pelanggan Promosi D”)
46. Pelanggan Promosi D mestilah:-
- mendeposit amaun seperti tertera dalam jadual di bawah (“Amaun Peruntuk Minimum”) ke dalam Akaun Sertaa semasa Tempoh Kempen; dan
 - mengekalkan Amaun Peruntuk Minimum selama **enam (6)** bulan berturut-turut (“Tempoh Peruntuk”) dari tarikh didepositkan Amaun Peruntuk Minimum itu ke dalam Akaun Sertaa, untuk melayakkan Pelanggan Promosi D mendapat Pemberian Peserta Terawal berikut:

Peruntukan Pemberian	Pemberian Peserta Terawal	Amaun Peruntuk Minimum
250	Set Reunion Shogun Granite	RM48,888.00

47. Pelanggan Promosi D yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Fasal 46 di atas akan disebut “Pelanggan Layak bagi Promosi D”.
48. Pemberian Peserta Terawal (secara kolektif disebut di dalam ini sebagai “Pemberian”) diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan stok, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap kategori Pemberian bagi setiap Pelanggan Layak bagi Promosi D sepanjang Tempoh Kempen tanpa mengira jumlah amaun yang diletakkan dalam Akaun Sertaa sepanjang Tempoh Kempen.
49. Pelanggan Layak bagi Promosi D akan diberitahu oleh Bank melalui telefon tidak lewat daripada dua belas (12) minggu dari tarikh peletakan deposit (“Tarikh Pemberitahuan”) untuk mengambil Pemberian daripada cawangan Bank tempat deposit diletak.
50. Pelanggan Layak bagi Promosi D adalah bertanggungjawab untuk mengambil Pemberian daripada cawangan peletakan deposit berkenaan dalam masa satu (1) bulan dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian, Pemberian akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan oleh Pemegang Akaun Layak setelah luputnya tarikh akhir tersebut.
51. Pemberian akan disediakan atas dasar “Sebagaimana Ada”. Pemberian yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web Bank adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Pemberian dalam sebarang bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak menjadi sebahagian daripada Pemberian itu.
52. Bank sama sekali tidak bertanggungjawab terhadap sebarang Pemberian yang hilang, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permohonan untuk mendapat gantian Pemberian tidak akan dilayani oleh Bank. Pihak Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Pemberian dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Pemberian yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh peniaga dan/atau syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pelanggan Layak bagi Promosi D hendaklah berurusan secara langsung dengan peniaga dan/atau pembuat berkenaan bagi segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan Bank.
53. Sekiranya Amaun Deposit peruntuk dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) semasa Tempoh Peruntuk atas apa jua sebab sekalipun, HLB berhak memotong Fi Penalti berikut daripada Akaun Sertaa pada tarikh pengeluaran oleh Pemegang Akaun sebagai bayaran atas Hadiah itu dan apa-apa tuntutan oleh Pemegang Akaun Layak supaya Fi Penalti itu dibayar balik tidak akan dilayani oleh HLB.

Hadiah Pelanggan Terawal	Fi Penalti
Set Reunion Shogun Granite	RM500.00

54. Bagi mengelakkan keraguan, Fi Penalti dikecualikan ke atas Pemegang Akaun CASA-i Sertaa.

55. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
- i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma & Syarat Akaun Sertaan;
 - ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;
 - iii) mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my dan / atau laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("laman web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - iv) Ganjaran bagi Promosi A, Ganjaran bagi Promosi B, dan Ganjaran bagi Promosi C ("secara kolektif disebut "Ganjaran") yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - v) membenarkan Bank untuk mendedahkan butir-butir peribadi mereka (iaitu nama, Nombor Kad Pengenalan, alamat emel dan/atau nombor telefon, jika berkenaan) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada Dynamic Search bagi tujuan mengendalikan dan memenuhi syarat Kempen ini; dan
 - vi) pemenang Promosi A bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh BIG Loyalty berkenaan Mata BIG. Bagi mengelakkan keraguan, Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan / pindaan terma dan syarat penggunaan Mata BIG oleh BIG Loyalty dan sebarang pertanyaan atau pertikaian atas perubahan/pindaan tersebut tidak akan dilayani Bank dan Pemenang Promosi A hendaklah menyelesaikan hal yang sama secara langsung dengan BIG Loyalty
 - vii) bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
56. Bank berhak:
- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian ganjaran dengan produk yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang Bank anggap sesuai;
 - (ii) mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau kesemua Ganjaran dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - (iii) menentukan, atas budi bicara mutlaknyanya, siapa yang akan menjadi Pemenang Promosi A, Pemenang Promosi B dan Pemenang Bonus Li Chun sekiranya berlaku seri;
 - (iv) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang Bank, atas budi bicara mutlaknyanya, anggap wajar daripada menyertai Kempen dan/atau berhak menerima Ganjaran; dan
 - (v) melupuskan Ganjaran dan / atau Pemberian sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong berkenaan CASA Hong Leong, Akaun Semasa Hong Leong dan Akaun Semasa-i (Tawarruq CASA-i), dan semua undang-undang / peraturan lain yang berkenaan
57. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
58. Ganjaran dan/atau Pemberian akan disediakan atas dasar "Sebagaimana Ada". Ganjaran dan Pemberian yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Ganjaran dalam apa-apa bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran.
59. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
60. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit/Deposit-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")